

3 MAR 1996

Mahathir-EAEC

EAEC JADIKAN ASIA TIMUR PENGGERAK PERTUMBUHAN DUNIA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

BANGKOK, 3 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asia Timur akan makmur serta menjadi satu lagi penggerak kepada pertumbuhan dunia jika Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dapat bergerak bebas untuk membuktikan sistem pasaran terbuka benar-benar wujud.

Perdana Menteri berkata sebarang usaha menghalang EAEC atau timbul kesangsian atau menyerapkannya bersama negara bukan Asia Timur, akan menyekat kemaraan Asia Timur ke arah kemakmuran.

Ini mungkin menimbulkan rasa benci dan menjejaskan negara-negara yang ingin berbaik-baik dengan Barat, kata beliau pada satu dialog dengan 150 pemimpin perniagaan yang kebanyakannya dari rantau ini di sini.

Dr Mahathir ialah antara 25 ketua kerajaan dari Asia Timur dan Eropah Barat yang menghadiri mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) selama dua hari berakhir di sini semalam.

Beliau berkata layanan yang diberikan kepada cadangan penubuhan EAEC merupakan contoh terbaik mengenai standard yang berbeza mengenai kesaksamaan, dengan beberapa negara Asia Timur diarah oleh negara Barat untuk menolak forum ini.

"Apakah yang dapat diandaikan daripada usaha menghalang negara-negara Asia berbincang sesama sendiri, sedangkan pihak yang membantah itu sendiri telah membentuk blok perdagangan dan kartel serta bertindak menyekat barangan tertentu dari Asia Timur memasuki pasaran mereka, tanpa mahu mendengar alasan secara adil," kata beliau.

Dr Mahathir berkata EAEC merupakan satu ide yang tepat pada masanya untuk mencetuskan satu Asia Timur yang mengamalkan sistem pasaran terbuka yang dapat membenamkan sebarang teori ekonomi komunis dan sosialis.

"Jika negara-negara Eropah dan Amerika Utara benar-benar mengamalkan pasaran bebas dan sistem demokratik yang berkaitan, perkara terbaik yang mereka dapat lakukan ialah dengan menyokong penubuhan EAEC," katanya.

Perdana Menteri berkata kejatuhan sosialisme dan komunisme menunjukkan bahawa corak pemikiran intelek Barat mungkin silap dan mereka menggunakan penawar yang kurang tepat kepada kepincangan masyarakat mereka, pada kos yang tinggi.

"Jika mereka tersilap, dengan kos yang tinggi sebelum ini, tak mungkinkah mereka silap lagi? Dapatkah kita andaikan bahawa pemikir-pemikir Barat sekarang adalah betul? Tak mungkinkah mereka silap lagi?" kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata penduduk Timur lebih menitikberatkan soal spiritual tetapi penduduk Barat mementingkan material menerusi kapitalisme, sosialisme dan komunisme.

"Pokok pangkalnya ialah jika seseorang itu menikmati kemewahan material, dia pastinya gembira, dan jika kemewahan material ini diagih-agihkan secara adil, pastinya semua akan turut gembira," kata beliau.

Menurutnya walaupun ketaksuban Eropah dan Barat terhadap kesaksamaan boleh dipuji, ia tidak adil dan berat sebelah bila dikaitkan dengan perkara-perkara lain termasuk dalam perdagangan dan hubungan antarabangsa.

"Sesebuah negara miskin mungkin mempunyai hak yang sama untuk mengenakan sekatan terhadap sesebuah negara kaya tetapi pada hakikatnya ia tidak dapat melakukannya. Kesaksamaan ini bukan tulen...ia sekadar manis di bibir," katanya.

Dr Mahathir berkata kesaksamaan seperti dalam bidang perdagangan

sepatutnya membolehkan semua pihak menikmati kemudahan yang sama seperti dalam dasar pelaburan asing terus yang benar-benar tidak mempunyai sekatan.

"Sesebuah padang yang rata adalah adil bagi peserta yang mempunyai kekuatan yang sama tetapi ia tidak adil jika si kerdil dilagakan dengan sang gergasi," katanya.

Beliau menyifatkan sidang kemuncak ASEM sebagai satu contoh baik mengenai kesaksamaan kerana ia berlangsung "di padang yang rata dan peserta-pesertanya pula hampir setanding".

"Apabila Asia Timur bangun semula sepenuhnya, ia tidak akan menjadi sebuah Asia Timur yang berdendam terhadap negara-negara yang cuba menghalang atau melambat-lambatkan kebangkitannya itu. Ia akan mengingati mereka yang membantu dan memberi sumbangan ketika diperlukan," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA